

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
[BUKIT BENDERA]

SOALAN :

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta PERDANA MENTERI menyatakan purata saiz isi rumah mengikut kelas pendapatan isi rumah dan kumpulan etnik dan strata di Malaysia bagi tahun 2012.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Statistik agihan pendapatan isi rumah boleh diperoleh melalui Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (HIS) yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia sejak tahun 1974. Berdasarkan kepada penyiasatan ini, agihan pendapatan isi rumah mengikut kelas pendapatan, kumpulan etnik dan strata di Malaysia bagi tahun 2009 dan 2012 adalah seperti di Jadual 1 hingga Jadual 5 .

Secara keseluruhannya agihan pendapatan Malaysia telah bertambah baik dari tahun ke tahun. Contohnya, merujuk kepada Jadual 1 iaitu pada tahun 2009, terdapat 52.7 peratus isi rumah yang berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan dengan agihan pendapatannya sebanyak 22.6 peratus. Pada tahun 2012, jumlah isi rumah dengan kumpulan pendapatan ini telah menurun kepada 38.5 peratus dengan agihan pendapatan sebanyak 14 peratus daripada jumlah pendapatan isi rumah.

Manakala jumlah isi rumah di kalangan yang berpendapatan tinggi iaitu melebihi pendapatan RM7,000 telah meningkat daripada 13.3 peratus pada 2009 kepada 19.9 peratus pada tahun 2012. Agihan pendapatan bagi kumpulan ini juga telah meningkat daripada 39.2 peratus kepada 48.3 peratus dalam tempoh yang sama.

Jadual 1: Peratus agihan pendapatan dan isi rumah mengikut kelas pendapatan, Malaysia, 2009 dan 2012

Kelas Pendapatan	2009 (Peratus)		2012 (Peratus)	
	Isi rumah	Agihan pendapatan	Isi rumah	Agihan pendapatan
Kurang RM3,000	52.7	22.6	38.5	14.0
RM3,000 – RM6,999	34.0	38.2	41.6	37.7
RM7,000 ke atas	13.3	39.2	19.9	48.3
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0

Pekali Gini	0.441	0.431
-------------	-------	-------

Jadual 2: Peratus agihan pendapatan dan isi rumah mengikut kelas pendapatan, Bandar, 2009 dan 2012

Kelas Pendapatan	2009 (Peratus)		2012 (Peratus)	
	Isi rumah	Agihan pendapatan	Isi rumah	Agihan pendapatan
Kurang RM3,000	42.9	17.1	29.6	9.7
RM3,000 – RM6,999	39.8	38.6	45.4	36.5
RM7,000 ke atas	17.3	44.2	25.0	53.8
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0

Pekali Gini	0.423	0.417
-------------	-------	-------

Jadual 3: Peratus agihan pendapatan dan isi rumah mengikut kelas pendapatan, Luar Bandar, 2009 dan 2012

Kelas Pendapatan	2009 (Peratus)		2012 (Peratus)	
	Isi rumah	Agihan pendapatan	Isi rumah	Agihan pendapatan
Kurang RM3,000	73.9	44.8	61.7	34.3
RM3,000 – RM6,999	21.4	36.5	31.5	43.8
RM7,000 ke atas	4.7	18.7	6.8	21.9
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0

Pekali Gini	0.407	0.382
-------------	-------	-------

Jadual 4: Peratus agihan pendapatan dan isi rumah mengikut kelas pendapatan dan etnik, Malaysia, 2009

Kelas Pendapatan	2009					
	Bumiputera		Cina		India	
	Isi rumah	Agihan pendapatan	Isi rumah	Agihan pendapatan	Isi rumah	Agihan pendapatan
Kurang RM3,000	57.9	26.9	39.8	15.0	52.8	24.1
RM3,000 – RM6,999	31.2	38.8	40.7	37.1	34.6	38.4
RM7,000 ke atas	10.8	34.3	19.5	47.9	12.6	37.5
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0

Pekali Gini	0.440	0.425	0.424
-------------	-------	-------	-------

Jadual 5: Peratus agihan pendapatan dan isi rumah mengikut kelas pendapatan dan etnik, Malaysia, 2012

Kelas Pendapatan	2012					
	Bumiputera		Cina		India	
	Isi rumah	Agihan pendapatan	Isi rumah	Agihan pendapatan	Isi rumah	Agihan pendapatan
Kurang RM3,000	44.1	17.8	24.5	7.1	36.7	12.9
RM3,000 – RM6,999	39.7	39.9	46.1	33.5	43.8	37.7
RM7,000 ke atas	16.2	42.3	29.4	59.4	19.5	49.4
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0

Pekali Gini	0.421	0.422	0.443
-------------	-------	-------	-------

Sekian, terima kasih.